

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)31

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

31. Kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang semakin serius dan akan bertambah tenat menjelang pembinaan projek Transit Aliran Deras (LRT) nanti. Apakah langkah jangka pendek dan panjang yang akan dilaksanakan untuk menyelesaikan masalah ini?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri yakin pembinaan LRT akan membantu menyelesaikan kesesakan lalu lintas? Sertakan alasan.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

31. Sememangnya dijangka berlaku kesesakan atau gangguan lalu-lintas dalam tempoh pembinaan yang akan melibatkan pelencongan jalan raya, sekatan separa lorong dan kerja-kerja berat di koridor trafik tinggi.

Sepanjang tempoh pembinaan, Pelan Pengurusan Trafik (Traffic Management Plan (TMP)) telah dirangka oleh pihak MRT Corporation (MRTC) bagi memastikan kelancaran aliran

kenderaan di sepanjang rancangan jajaran LRT serta untuk membolehkan kerja-kerja dijalankan dengan selamat dan terkawal.

Perubahan seperti pengurangan lorong dan lencongan sementara dijangka boleh menyebabkan sedikit kesesakan di kawasan tertentu, khususnya semasa waktu puncak. Walau bagaimanapun, aliran trafik utama masih akan dikekalkan agar jalan raya terus boleh digunakan oleh orang awam.

Pelaksanaan TMP tersebut juga akan melibatkan pengurangan lorong (lane reduction) dan lencongan laluan di jalan-jalan utama yang terlibat dalam aktiviti pembinaan jajaran bertingkat (viaduct) dan stesen seperti Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu, Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Tengah dan Jalan Magazine.

MRTC telah disyaratkan melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk menyediakan TMP bagi setiap lokasi stesen bermula dari George Town hingga ke Permatang Damar Laut supaya langkah mitigasi dapat dianalisis dan dilaksanakan dengan lebih terperinci.

Langkah-langkah mitigasi utama secara jangka panjang dan jangka pendek yang akan dilaksanakan oleh pihak MRTC termasuklah:

(i) Jangka Pendek:

- 1) Pemantauan trafik berterusan menggunakan dron untuk pemantauan secara masa nyata bagi mengoptimumkan aliran trafik;
- 2) Mulai Januari 2026, pelaksanaan *free-flow traffic*, pusingan U baharu, dan aliran trafik sehalu akan diperkenalkan secara berfasa di kawasan "*hotspot*" seperti Jalan Magazine, kawasan perindustrian bebas (FIZ) Bayan Lepas dan persimpangan Sunny Point (Batu Uban);
- 3) Beberapa persimpangan lampu isyarat juga akan disusun semula (reconfigured) oleh pihak MRTC bagi memperbaiki aliran kenderaan;
- 4) Penjadualan kerja pembinaan akan dilaksanakan seperti kenderaan berat dibenarkan beroperasi di luar waktu puncak dan mengadakan dialog dengan

Persatuan Syarikat Perindustrian Bebas, Pulau Pinang (Frepenca) untuk menjadualkan semula waktu mula dan tamat kerja untuk mengelakkan pergerakan bas kilang semasa waktu puncak;

- 5) Kerja-kerja pelebaran jalan di kawasan sekitar jajaran dan stesen tertentu akan dilaksanakan bagi menyokong aktiviti pembinaan Projek LRT Laluan Mutiara serta memastikan aliran trafik dapat dikekalkan sepanjang tempoh pembinaan. Antara jalan-jalan utama yang terlibat adalah Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu (berhampiran tapak Stesen Macallum), Jalan Tengah, dan Jalan Tun Dr Awang (berhampiran tapak Stesen SPICE).
- 6) Menggalakkan penggunaan perkhidmatan Bas *Central Area Transit* (CAT) dalam kawasan pusat bandar George Town serta perkhidmatan Bas Congestion Allevation Transport Bridge (CAT Bridge) dan mana-mana perkhidmatan bas yang dioperasikan oleh Rapid Penang menggunakan Pas Mutiara yang disediakan secara percuma bagi mengurangkan

kenderaan persendirian serta mengurangkan kesesakan di atas jalan raya;

- 7) Mengalakkan penjawat awam yang berkhidmat di Komtar menggunakan Perkhidmatan Bridge Express Shuttle Transit (BEST) KOMTAR yang akan membantu dalam mengurangkan kesesakan pada waktu puncak;
- 8) Menggalakkan penggunaan) perkhidmatan Rapid On-Demand (ROD) sebagai kesalinghubungan (connectivity) yang amat penting bagi membolehkan orang awam atau pengguna bas menyambung perjalanan mereka dengan rangkaian bas Rapid. Di samping ini, perkhidmatan ROD ini disediakan bertujuan bagi memenuhi permintaan pengangkutan awam di kawasan dengan kepadatan yang tinggi yang masih belum mempunyai akses kepada pengangkutan bas Rapid dalam jarak radius 3km;
- 9) Mengalakkan penggunaan basikal melalui penyediaan laluan basikal baru;

- 10) Meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan berkerjasama dengan pihak polis untuk mengawal lalu lintas di persimpangan-persimpangan jalan yang mengalami kesesakan pada waktu-waktu kesesakan teruk;
- 11) Pihak industri di FIZ juga telah dinasihatkan untuk merancang langkah mitigasi seperti waktu bekerja fleksibel atau *staggered working hours*, *car-pooling* dan perancangan perjalanan bagi mengurangkan impak kepada pekerja. Sementara itu, pekerja di kawasan FIZ dan sekitar juga disaran untuk menggunakan perkhidmatan bas awam untuk mengurangkan kesesakan jalanraya di kawasan terbabit sepanjang kerja-kerja pembinaan dijalankan.

Langkah-langkah ini bertujuan untuk meminimumkan impak terhadap trafik sedia ada, memastikan pergerakan kenderaan kekal lancar, dan meningkatkan kecekapan aliran trafik di kawasan-kawasan utama sepanjang tempoh pembinaan LRT Laluan Mutiara.

Pihak MRTC juga akan menyediakan laluan alternatif dan pengalihan trafik yang akan diurus sebagai sebahagian daripada pelan pengurusan trafik (TMP) yang diluluskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang pada 14 Oktober 2025 serta TMP ini juga akan disemak semula dan ditambah baik secara bulanan bagi perancangan masa depan. Maklumat lebih terperinci boleh didapati menerusi laman media sosial LRT Laluan Mutiara dan laman web rasmi MRTC.

Sementara pihak pemaju dan kontraktor akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk meminimumkan kesan projek terhadap keadaan trafik dari masa ke semasa, pengguna jalan raya dinasihatkan dari masa ke semasa untuk merujuk kepada laman web projek Laluan Mutiara dan media sosial LRT Mutiara Pulau Pinang untuk maklumat TMP dan pengumuman trafik terkini serta menyemak aplikasi navigasi seperti Waze untuk mendapatkan maklumat trafik masa nyata (real-time) bagi merancang perjalanan.

(ii) Jangka Panjang:

- 1) Meneruskan pelaksanaan *free-flow traffic* di persimpangan utama yang terbukti berkesan dalam

memastikan kelancaran pergerakan kenderaan sekiranya mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkaitan;

- 2) Mewujudkan satu platform umum untuk menyalurkan maklumat dan menerima aduan daripada orang awam dan pengguna jalan raya, yang membabitkan semua projek berskala besar kerajaan dan pihak swasta;
- 3) Menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam bagi membiasakan diri dengan penggunaan pengangkutan awam yang bakal berperanan sebagai sistem pengantara (feeder system) kepada Laluan Mutiara kelak, serta memastikan perkhidmatan bas pengantara mencukupi bagi melengkapkan rangkaian perjalanan dari rumah atau tempat kerja ke stesen LRT dan sebaliknya (*first- and last-mile connection*); dan

- 4) Mengamalkan pendekatan perancangan bandar jangka panjang yang berorientasikan transit (TOD) untuk menekankan mobiliti mampan.
- (a) Kerajaan Negeri yakin bahawa pembinaan LRT akan memberikan impak besar dalam mengurangkan kesesakan lalu lintas dan menyokong aspirasi Penang2030 untuk menjadi sebuah negeri hijau, pintar dan berdaya huni.

Dari sudut mobiliti, LRT mempunyai kapasiti penumpang yang tinggi yang mampu membawa sehingga belasan ribu pengguna setiap jam. Ini secara langsung mengurangkan jumlah kenderaan persendirian di jalan raya dan sekali gus menurunkan tahap kesesakan harian, terutama di koridor George Town–Bayan Lepas.

LRT juga menawarkan masa perjalanan yang lebih konsisten dan boleh dijangka, kerana ia beroperasi di laluan sendiri yang tidak terkesan oleh kesesakan atau banjir. Ini seiring dengan matlamat Penang2030 untuk

meningkatkan kualiti hidup rakyat melalui sistem pengangkutan yang cekap dan moden.

Dari perspektif ekonomi pula, LRT merupakan pemangkin penting kepada pertumbuhan dan daya saing negeri. Ia menyokong perkembangan sektor perindustrian, perkhidmatan dan teknologi tinggi dengan menyediakan akses mobiliti yang stabil kepada tenaga kerja, pelabur dan pelawat. Infrastruktur rel yang kukuh adalah keperluan asas bagi memastikan Pulau Pinang kekal kompetitif di peringkat serantau.

Manakala dari sudut alam sekitar, peralihan daripada kereta kepada LRT akan mengurangkan pelepasan karbon dan pencemaran udara, selaras dengan komitmen negeri terhadap pembangunan lestari. Dengan lebih ramai pengguna beralih kepada pengangkutan awam, penggunaan tenaga dan jejak karbon negeri dapat dikurangkan secara signifikan.

Akhir sekali, LRT direka untuk bersepadu dengan perkhidmatan bas awam seperti Bas Rapid Penang, Bas CAT Bridge & George Town, Bas Perantara serta *park-*

and-ride dan laluan pejalan kaki serta basikal, mewujudkan rangkaian mobiliti yang lengkap dan perkhidmatan mesra keluarga—selaras sepenuhnya dengan prinsip Penang2030 sebagai sebuah negeri untuk semua.